[ FOTO IHSAN UMP]




*Norashikin (dua dari kanan) bersama pelajarnya menunjukkan pelembap bibir jenama 'KINORA' yang menggunakan bahan semula jadi dan selamat ketika ditemui di UMP, Kuantan, semalam.*

> Saya mendapat idea dan bertekad menghasilkan KINORA selepas melihat kebanyakan barangan kosmetik termasuk pelembap bibir dijual di negara ini dihasilkan menggunakan bahan kimia sintetik dan bahan pengawet"
>
> ***Norashikin Mat Zain,***
> *Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli UMP*

# Pensyarah UMP hasil pelembap bibir semula jadi, murah




Produk jenama KINORA dapat kelulusan Kementerian Kesihatan, sudah ada di pasaran dua bulan lalu

**Oleh Amin Ridzuan Ishak**
aminridzuan@nstp.com.my

Kuantan

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli Universiti Malaysia Pahang (UMP), berjaya menghasilkan pelembap bibir menggunakan bahan semula jadi yang selamat digunakan dan murah.

Dr Norashikin Mat Zain yang mempunyai kepakaran dalam bidang kejuruteraan kimia bioproses menghasilkan pelembap bibir jenama 'KINORA' yang sudah berada di pasaran sejak dua bulan lalu, sebaik sahaja mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan.

Produk dihasilkan daripada bahan premium dengan gabungan pelbagai minyak semula jadi, iaitu minyak zaitun, almond, marula, peppermint, carnouba wax, tocopherol dan vitamin E yang berfungsi melembapkan serta memelihara kulit.

Terdahulu beliau melakukan penyelidikan dan pembangunan (R & D) selama tiga tahun sebelum mengambil keputusan mengkomersilkan produk itu di pasaran.

Anak kelahiran Perlis ini berkata, beliau mendapat idea dan bertekad menghasilkan produk itu selepas melihat kebanyakan barangan kosmetik termasuk pelembap bibir dijual di negara ini dihasilkan menggunakan bahan kimia sintetik dan bahan pengawet.

"Produk yang mengandungi bahan berkenaan tidak selamat untuk pengguna terutama wanita kerana boleh menjejaskan hormon mereka.

"Ketika ini, kebanyakan produk dikeluarkan di media sosial menggunakan bahan semula jadi, dijual mahal, selain kandungan bahan dan status halal diragui terutama yang dihasilkan di rumah," katanya ketika ditemui *NSTP* di UMP Kampus Gambang, dekat sini, semalam.

Bertitik tolak daripada isu itu, Norashikin meneruskan syarikatnya, Medieva Sdn Bhd bertekad untuk membuat penyelidikan dan mendapat formula untuk menghasilkan pelembap bibir diperbuat daripada bahan semula jadi.

## UMP beri geran RM25,000

Katanya, beliau mendapat geran berjumlah RM25,000 daripada UMP untuk menghasilkan produk terbabit.

"Saya menghasilkan produk ini di kilang yang mempunyai akreditasi Amalan Pengilangan Baik (GMP). Jadi sudah tentu jenama ini dijamin kebersihan dan kualiti berbanding produk dibuat sendiri di rumah.

"Produk ini dijangka mendapat sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ogos ini. Ini sekali gus menambah nilai terhadap produk itu dan memberi keyakinan kepada pengguna yang mahu mencari pelembap bibir halal," katanya

Pelembap untuk semua pengguna

Norashikin berkata, KINORA dijual pada harga RM43, lebih murah berbanding pelembap bibir dihasilkan menggunakan bahan semula jadi iaitu sekitar RM80 ke atas bergantung kepada jenamanya.

Katanya, produk itu dijual dalam skala kecil iaitu di sekitar UMP dan menerusi media sosial kerana pada masa sama mahu mendapatkan maklum balas lanjut daripada pengguna mengenainya.

"Maklum balas daripada pembeli adalah baik dan mereka berpuas hati kerana membantu merawat bibir merekah. Kami akan menggunakan segala pandangan berkenaan untuk melakukan penambahbaikan produk sedia ada.

"Antara penambahbaikan yang akan saya lakukan ialah pelembap bibir itu tidak mempunyai warna supaya boleh digunakan oleh semua pengguna termasuk lelaki dan kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata, pada masa sama, beliau sedang mengkaji untuk menggunakan mengekstrak buah naga sebagai pewarna bagi pelembap bibir wanita.

Dari segi jualannya, Norashikin berkata, permintaan terhadap pelembap bibir jenama KINORA itu agak menggalakkan dan mereka menerima tempahan antara lima hingga 10 unit setiap hari.

"Sekarang saya hanya jual dalam UMP dan media sosial (akaun Facebook Kinora Natural Tinted Lip Balm) dan menerusi 10 ejen.

"Kita sedang merangka untuk menambah jumlah ejen. Saya yakin selepas ini lebih ramai ejen menyertai kami sekali gus dapat menambah pendapatan mereka terutama dalam kalangan pelajar dan suri rumah," katanya.

## Penuhi permintaan kosmetik halal pasaran antarabangsa

"Untuk permulaan, saya mengeluarkan sebanyak 1,700 pelembap bibir, selain mendapatkan maklum balas daripada pelbagai pihak untuk penambahbaikan," katanya.

Mengenai perancangannya, beliau menyasarkan untuk menembusi pasaran luar negara seperti Brunei dan Singapura sekali gus dapat memenuhi permintaan kosmetik halal peringkat antarabangsa.

"Potensinya besar kerana saya yakin produk ini sesuai untuk jemaah haji atau umrah kerana status halalnya. Saya juga menyasarkan untuk memasarkan pelembap bibir ini di premis kosmetik lain," katanya.